



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 18 FEBRUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SIASAT PUNCA BERAS PUTIH TEMPATAN 'HILANG', CETUSAN, SH -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	2,000 PESAWAH BIMBANG PADI MUSNAH AKIBAT MASALAH AIR, NASIONAL, BH -19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	DAH SEMINGGU KERING KONTANG, LOKAL, HM -18	
4.	HARGA LANTAI BELIAN PADI RM1,500 KADAR SESUAI IKUT PASARAN, NASIONAL, BH -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	NAFAS KEKAL RELAVAN, PACU PERTANIAN NEGARA, NASIONAL, SH -7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6.	KEMARAU: 702 PESAWAH TERIMA TABUNG BANTUAN BENCANA, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN
7.	702 PESAWAH PERAK TERIMA BANTUAN BENCANA RM813,081, NEGARA, KOSMO -15	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2025	SINAR HARIAN	CETUSAN	16

Siasat punca beras putih tempatan 'hilang'



ANALISIS
MUKA 16

MOHD FAIZUL HAIKA
MAT KHAZI

Sebagai anak petani, penulis tumpang gembira dengan pengumuman kerajaan mengenai kenaikan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik yang berkuat kuasa serta-merta mulai Ahad lalu.

Begitu juga pengumuman, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai keprihatinan tokoh korporat Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari menyumbangkan RM30 juta kepada kerajaan bagi membantu petani miskin.

Tambahan pula perbincangan bagi membolehkan penyedia perkhidmatan pembajakan, pengangkutan dan peralatan pertanian yang menggunakan diesel mendapat subsidi sedang diusahakan dengan serius oleh kerajaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan bertujuan memastikan bantuan diesel dapat disalurkan kepada golongan sasaran bagi mengurangkan kos pembajakan serta meringankan beban pesawah.

Selain itu kerajaan juga mengumumkan harga beras putih tempatan (BPT) dikekalkan pada kadar RM2.60 per kilogram (kg) untuk memastikan bekalan beras tempatan stabil di pasaran.

Langkah ini melibatkan peruntukan kira-kira RM150 juta untuk tempoh

enam bulan, bertujuan menyerap sebahagian kos pengeluaran dan memastikan keberadaan 24 juta kampil 10kg BPT di pasaran.

Keputusan ini diambil kerajaan dengan mengambil kira pelbagai faktor, termasuk kenaikan kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun, dan sebagainya, serta impak terhadap kos pengeluaran beras.

Oleh itu, tidak hairanlah jika Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, percaya bahawa langkah-langkah kerajaan ini bakal menyelesaikan isu misteri kehilangan BPT di pasaran tempatan.

Menurut beliau, semua langkah berkenaan menunjukkan kerajaan sentiasa komited untuk membantu rakyat secara menyeluruh termasuk rantai industri padi daripada pesawah, pengilang, pemborong hinggalah kepada peruncit.

Namun apa yang lebih mengejutkan ialah pengakuan Syed Abu Hussin mengenai punca sebenar kehilangan BPT di pasaran tempatan.

Menurutnya masalah berkenaan berpunca daripada beras tempatan dibungkuskan dan dijual sebagai beras import dengan harga bermula RM40 bagi setiap 10 kilogram kepada pengguna.

Pendedahan Syed Abu Hussin ini bukanlah perkara baharu kerana Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor, telah mendedahkan perkara yang sama pada tahun lalu.

Namun, apa yang mengecewakan adalah sehingga hari ini, tiada sebarang tindakan tegas diambil terhadap pengilang atau pemborong beras tempatan mahupun import yang didakwa terlibat.

Adakah kartel beras ini kebal di sisi undang-undang, atau adakah pihak berkuasa seperti Kawalselia



Adakah kartel beras ini kebal di sisi undang-undang, atau adakah pihak berkuasa seperti Kawalselia Padi Beras (KPB) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) gagal mengesan mereka?"

Padi Beras (KPB) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) gagal mengesan mereka?

Oleh itu, sebagai pengguna, penulis berpendapat sudah tiba masanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan berhubung kemungkinan unsur rasuah, penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa dalam kes kehilangan BPT di pasaran tempatan.

Langkah ini perlu diambil sebagai bukti bahawa kerajaan benar-benar serius menangani isu rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan, sama ada melibatkan 'ikan bilis' atau 'jerung', seperti yang pernah dinyatakan oleh Perdana Menteri sebelum ini.

Kegagalan kerajaan dalam menangani isu misteri kehilangan BPT ini juga akan menjejaskan imej Perdana Menteri yang mementingkan tadbir urus dan tata kelola yang terbaik dalam pentadbirannya.

Jika misteri kehilangan BPT ini gagal diselesaikan, tidak mustahil ia akan menjadi bahan kempen utama untuk menolak parti pada Pilihan Raya Umum yang akan datang.

**Mohd Faizul Haika Mat Khazi ialah Wartawan Meja Am Sinar Harian*

2,000 pesawah bimbang padi musnah akibat masalah air

KADA laksana sistem penggiliran bekalan kepada sawah seliaan susulan paras air sungai menurun

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bhnnews.com.my

Kota Bharu: Kira-kira 4,000 hektar sawah di sini terputus bekalan air sejak seminggu lalu dan padi yang baru ditanam lebih 50 hari akan musnah jika tiada sumbu ber air.

Pengerusi Persatuan Pesawah-Pesawah Kelantan, Zuhair Ismail, berkata padi itu dijangka hanya mampu bertahan seminggu lagi dan tanaman yang rosak akan menjejaskan pendapatan lebih 2,000 pesawah.

Katanya, kawasan terjejas ialah beberapa tempat di Kota Bharu utara dan selatan seperti Kampung Aur Duri, Pangkal Pisang, Padang Halban, Badak Mati, Machang Bubuk, Limbat dan Tembesu.

Beliau berkata, sawah berkenaan bergantung kepada sumber air dari Rumah Pam Kemubu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Zuhair berkata, paras air sungai rendah menyebabkan pam tidak dapat menyedut air.

"Padi kami kini berusia sekitar 40 hingga 50 hari dan mampu bertahan seminggu sahaja lagi. Sekiranya masih tidak dapat terima air dalam masa seminggu akan datang, sudah tentu usaha kami tanam padi hanya sia-sia saja."


"Dalam tempoh dua tahun membabitkan empat musim ini, kami memang diuji apabila mengalami kerugian," katanya ketika dihubungi.

Harap segera selesaikan isu

Pesawah, Rasul Zulkifli, 27, berkata beliau mengusahakan hampir empat hektar sawah tahun ini dan turut berdepan masalah air.

"Saya bimbang sekiranya masalah bekalan air tidak ditangani dengan segera, padi saya akan rosak dan sudah tentu saya mengalami kerugian ribuan ringgit."

"Setakat ini saya sudah membelanjakan kira-kira RM5,000 untuk mengusahakan sawah berkenaan dan berharap bekalan air dapat disalurkan dengan kadar



Hasnah Jusoh meninjau tanaman padi yang kering di Kampung Tunjung, Kota Bharu, Kelantan.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

segera," katanya. Sementara itu, Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad, berkata hanya empat pam di Stesen Pam Kemubu 2 berfungsi dengan kemampuan bekalan air sebanyak 350 liter padu air persaat.

Katanya, bekalan air akan diagihkan kepada sawah seliaan KADA di Kota Bharu selatan, Kota Bharu utara, Bachok dan Pasir Puteh secara bergilir-gilir.

"Jumlah bekalan ini separuh daripada keperluan sebenar air bagi kawasan terbabit menyebabkan ada kawasan tidak menerima bekalan air."

mubu 2 yang boleh digunakan untuk membekalkan air ke sawah disebabkan paras air sungai sudah menurun memandangkan tiada hujan," katanya ketika dihubungi.

Khalid berkata, sistem penggiliran dibuat bagi mengimbangi bekalan air ke sawah.

18/2/2025

HARIAN

LOKAL

18

METRO

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Lebih 2,000 pesawah mendakwa tanaman padi seluas 4,000 hektar yang diusahakan mereka sudah seminggu terputus bekalan air dan dikuatiri akan musnah.

Tanaman padi mereka kini berusia 50 hingga 60 hari dijangka mampu bertahan seminggu sahaja lagi dan sekiranya tidak mendapat bekalan air, tanaman berkenaan akan rosak.

Kawasan terjejas membabitkan beberapa lokasi di Kota Bharu Utara dan Kota Bharu Selatan termasuk Kampung Aur Duri, Pangkal Pisang, Padang Halban, Badak Mati, Machang Buk, Limbat dan Tembesu.

Pengerusi Persatuan Pesawah-Pesawah Kelantan Zuha Ismail berkata, kesemua kawasan sawah berkenaan bergantung kepada air dari Rumah Pam Kemubu milik Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada).

Katanya, beliau difahamkan air sungai rendah menyebabkan pam tidak dapat menyedut air untuk disalurkan ke sawah.

"Sehingga kini sudah seminggu kawasan yang terjejas tidak menerima bekalan air dan kita berharap KADA dapat menyelesaikan masalah itu segera.



PESAWAH, Hasnah Jusoh. 67 meninjau tanaman padi yang diusahanya terputus bekalan air sejak seminggu lalu di Kampung Tunjung, Kota Bharu.

"Padi kami kini berusia sekitar 50 hingga 60 hari dan ia mampu bertahan seminggu sahaja lagi. Sekiranya masih tidak dapat terima air dalam masa seminggu akan datang, sudah tentu usaha kami menanam padi hanya sia-sia.

"Dalam tempoh dua tahun membabitkan empat masalah bekalan air tidak

**"Padi kami kini
berusia sekitar 50
hingga 60 hari dan
ia mampu bertahan
seminggu sahaja
lagi"**

Zuha Ismail

ditangani segera, padi saya akan rosak dan sudah tentu saya mengalami kerugian ribuan ringgit.

"Setakat ini saya sudah membelanjakan sekitar RM5,000 untuk mengusahakan sawah berkenaan dan berharap bekalan air dapat disalurkan segera," katanya yang memberitahu agensi terbabit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Harga lantai belian padi RM1,500 kadar sesuai ikut pasaran

Harga paling tepat pastikan jaga kebajikan rakyat, tak beban mana-mana pihak

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: Harga lantai belian padi yang ditetapkan pada kadar RM1,500 per tan bermula kelmarin, adalah kadar yang didapati bersesuaian berdasarkan harga pasaran padi ketika ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh, berkata pelarasan harga lantai dibuat kerajaan dan diumumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu minggu lalu, juga berdasarkan bekalan dan permintaan semasa.

Katanya, berdasarkan harga lantai RM1,500, sepatutnya beras tempatan dijual pada harga RM32 per 10 kilogram (kg), namun kerajaan menyerap kos pengeluarannya melalui dana RM150 juta bagi mengekalkan harga RM26 per 10kg.

"Pelarasan ini tepat dan Kerajaan MADANI melakukan dua kali pelarasan, yang pertama daripada RM1,200 kepada RM1,300 per tan dan sekarang kenaikan

lagi RM200. Ia kenaikan signifikan berdasarkan faktor bahawa ini adalah harga pasaran yang kita faham harga sesuatu barangan ditentukan bekalan dan permintaan.

"Sekarang harga beras dunia menurun sedikit antara RM2,600 hingga RM2,800 per tan. Apabila beras import ini diproses, harga pasarnya adalah sekitar RM32 hingga RM34 per 10kg.

"Jadi jika harga belian padi RM1,500 yang diumumkan itu dijual di pasaran, harganya adalah RM32 per 10kg.

"Tetapi bagi mengekalkan harga RM26 per 10kg, maka kerajaan menyuntik RM150 juta bagi mengeluarkan 24 juta kampil beras 10kg," katanya ketika ditemu bual pada program *Selamat Pagi Malaysia*, semalam.

Pesawah terima baik harga

Dr Ismail berkata, berikutan itu pihaknya mendapati harga lantai RM1,500 adalah paling tepat untuk memastikan kebajikan rakyat Malaysia secara keseluruhan terus dijaga tanpa membebankan mana-mana pihak.

Katanya, melalui sesi penerangan berterusan juga, pesawah di kawasan MADA menerima baik harga lantai belian padi berkenaan dan mereka memahami usaha berterusan yang dilakukan kerajaan.

"Cuma ada suara sebahagian-

nya minta harga RM1,800 per tan. Apa asasnya peladang minta harga RM1,800? Asasnya peladang kita sejak 2023 sudah biasa mendapat harga itu, sejak beberapa musim padi mereka dibeli pada harga RM1,800.

"Apabila peladang biasa mendapat harga itu, maka rantaian kos pertanian bermula daripada upah bajak sawah, sewa jentuai, lori dan sebagainya meningkat naik. Itu alasannya, tetapi kerajaan sudah semestinya melihat kepada kepentingan rakyat keseluruhannya, kepentingan peladang dan kepentingan pengilang sendiri.

"Jadi saya kira harga ini sangat tepat dan di bawah sana apabila diberi penerangan, maka rakyat faham dan peladang di kawasan MADA juga gembira dengan harga baru ini," katanya.

Khamis lalu, kerajaan bersetuju menaikkan harga lantai padi kepada RM1,500 per tan berbanding RM1,300 per tan sebelum ini berkuat kuasa 16 Februari.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu juga mengumumkan harga beras putih tempatan kekal pada RM2.60 sekilogram, iaitu kos pengeluaran sebanyak RM150 juta akan diserap kerajaan untuk tempoh enam bulan.



Dr Ismail Salleh

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

NAFAS kekal relevan, pacu pertanian negara

Lima dekad NAFAS perkasa komuniti dan ekonomi peladang

Oleh MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI SHAH ALAM

Ditubuhkan pada tahun 1972, kini meniti usia 53 tahun, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) terus memainkan peranan penting dalam industri pertanian negara.

Sebagai pertubuhan induk kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), NAFAS bukan sekadar entiti ekonomi tetapi juga tulang belakang kepada kebajikan 605,000 ahli peladang seluruh Malaysia.

Sepanjang lebih lima dekad, NAFAS telah berperanan dalam meningkatkan taraf hidup peladang melalui pelbagai inisiatif seperti pembekalan input pertanian, pembangunan kapasiti, latihan dan sokongan kewangan.

Namun, dalam tempoh tersebut, NAFAS tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran termasuk perubahan landskap ekonomi, teknologi dan juga cabaran tadbir urus.

Untuk kekal relevan dan terus memperkasakan komuniti peladang, NAFAS perlu bergerak seiring dengan koperasi pertanian global yang telah berjaya menerapkan model perniagaan moden, penggunaan teknologi serta tadbir urus yang lebih profesional.

Penggunaan teknologi pintar dan AI

Menurut Pemegang Kursi Sekuriti Makanan di Universiti Putra Malaysia, Profesor Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad, NAFAS mampu menjadi peneraju utama perubahan dalam pertanian negara sekiranya ia menerapkan teknologi moden dalam operasinya.

"Langkah ini telah lama diguna pakai dan terbukti berjaya di negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, India, Amerika Syarikat, New Zealand, Eropah dan Australia," katanya.

Antara teknologi yang boleh dimanfaatkan oleh NAFAS termasuklah kecerdasan buatan (AI), Internet Pelbagai Benda (IoT), Sistem Maklumat Geografi (GIS), teknologi blockchain, nano teknologi, sistem pemetaan tiga dimensi dan drone.

Sebagai contoh, penggunaan AI, IoT dan GIS dalam menyediakan formula baja mengikut jenis dan lokasi tanah dapat memaksimumkan hasil pengeluaran padi, menggantikan konsep lama di mana satu formula baja digunakan untuk semua kawasan tanpa mengambil kira perbezaan jenis tanah.



NAFAS perlu bergerak seiring dengan koperasi pertanian global untuk memperkasakan teknologi moden.



FATIMAH



MOHD ANIM



MOHAMAD ALI

"Melalui teknologi digital juga, petani dan pesawah tidak memerlukan mesin besar tetapi mesin pintar yang sepadan dengan saiz tanah pertanian atau sawah mereka," tambahnya.

Menurut beliau, NAFAS perlu kembali kepada matlamat asal penubuhannya iaitu memperkasakan ekonomi dan kebajikan ahli Peladang di seluruh negara dan bukannya mengejar keuntungan semata-mata," jelasnya.

Ke arah tadbir urus profesional

Dalam memastikan NAFAS terus maju dan relevan, bekas Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Jabatan Pertanian Malaysia, Datuk Mohd Anim Hosnan menekankan keperluan reformasi dalam organisasi tersebut.

Beliau berkata, NAFAS perlu menggalakkan lebih banyak lantikan kumpulan profesional dan golongan teknokrat pertanian dalam pertubuhan ini bagi meningkatkan tadbir urus, integriti serta mengurangkan gangguan yang tidak sepatutnya.

"Pelantikan lebih banyak profesional dan teknokrat dalam NAFAS bukan sahaja dapat memastikan pentadbiran

yang lebih telus, malah dapat merevolusikan semula organisasi ini demi kelangsungan sektor pertanian negara," katanya yang kini aktif dalam penulisan dan kajian berkaitan sektor pertanian.

Menurut beliau, tadbir urus yang cekap juga akan memastikan NAFAS bebas daripada isu-isu yang boleh menghalang kemajuannya serta memastikan manfaat yang diperoleh akan terus memberi pulangan kepada para peladang di Malaysia.

Daripada Peladang Untuk Peladang

Sementara itu, Anggota Lembaga (ALK) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan, menegaskan bahawa NAFAS masih relevan kerana ia adalah pertubuhan koperasi yang bertunjangan prinsip Daripada Peladang Untuk Peladang.

"Sebagai institusi pertanian yang memayungi rantaian Pertubuhan Peladang, keuntungan yang dicapai oleh NAFAS bukanlah keuntungan individu semata-mata, sebaliknya ia dipulangkan semula kepada kelompok petani dalam bentuk dividen dan manfaat lain," katanya.

Namun, bagi memastikan NAFAS terus relevan pada masa depan, pengurusan tertinggi organisasi ini tidak boleh mudah berpuas hati dengan pencapaian semasa.

Sebaliknya, mereka perlu mencontohi kejayaan koperasi peladang luar negara seperti di Korea Selatan, Jepun, Taiwan, Thailand, dan New Zealand yang berjaya bukan sahaja mengeluarkan petani daripada garisan kemiskinan tetapi menjadikan mereka sebagai usahawan dan jutawan.

"Kejayaan pertubuhan peladang di luar negara banyak bergantung kepada tadbir urus yang baik, bebas daripada campur tangan politik, kronisme serta konflik kepentingan," tambahnya.

Beliau turut menyarankan NAFAS meningkatkan kerjasama dengan koperasi peladang antarabangsa seperti Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan Korea Selatan dan Koperasi Pertanian Jepun bagi membolehkan petani Malaysia memperoleh kelebihan dalam pembelian dan penjualan produk pertanian secara pukal.

Kesimpulannya, sebagai sebuah pertubuhan yang telah mencorakkan pembangunan pertanian negara selama lebih lima dekad, NAFAS terus kekal sebagai penggerak utama petani dan peladang Malaysia.

Bagi memastikan keberlangsungan dan kemampanan organisasi ini, langkah reformasi tadbir urus yang baik, pemeraksanaan penggunaan teknologi terkini dan pematapan profesionalisme perlu diteruskan.

Dengan strategi yang tepat, NAFAS bukan sahaja mampu memperkukuhkan kedudukan petani Malaysia, malah mampu menjadi model Pertubuhan Peladang yang berjaya di peringkat antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31



MOHD. Zolkafly Harun bersama penerima Tabung Bencana Tanaman Padi pada majlis penyerahan bantuan di Bagan Serai hari ini. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Kemarau: 702 pesawah terima Tabung Bantuan Bencana

BAGAN SERAI: Sebanyak RM813,081 diperuntukkan menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) untuk membantu 702 pesawah di negeri ini yang terkesan akibat kemarau dan banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, inisiatif itu sebahagian daripada komitmen kerajaan dalam menjaga kebajikan golongan pesawah dan memastikan rantaian bekalan makanan negara terus stabil.

“Kemarau yang melanda menjejaskan kawasan tana-

man padi seluas 778.15 hektar di seluruh Perak, termasuk 470.93 hektar di daerah Kerian.

“Selain itu, 0.70 hektar kawasan tanaman lain turut terjejas akibat banjir,” katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) di Dewan Komuniti Bagan Serai, semalam.

Kerajaan negeri turut menyampaikan bantuan di bawah Tabung Bencana Pertanian (TBP) kepada tiga penerima di Kerian dengan jumlah keseluruhan RM6,000.

Menurut Mohd. Zolkafly, secara keseluruhan, kerajaan negeri dan Persekutuan telah meluluskan bantuan berjum-

lah RM812,081.28 di bawah TBTP kepada 702 pesawah yang terkesan.

“Bagi TBP pula, sejumlah RM1,411,842.10 telah diperuntukkan untuk membantu 110 petani dan penternak dalam sub sektor tanaman makanan, ternakan, dan akuakultur,” katanya.

Katanya, Perak merupakan pengeluar padi ketiga terbesar di negara ini.

Mohd. Zolkafly berkata, sektor pertanian kini berdepan cabaran besar akibat perubahan iklim yang memberi kesan langsung kepada pengeluaran hasil tanaman serta kestabilan rantaian bekalan makanan.

702 pesawah Perak terima bantuan bencana RM813,081

BAGAN SERAI – Sebanyak RM813,081 telah diperuntukkan menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) untuk membantu 702 pesawah di Perak yang terkesan akibat kemarau dan banjir yang melanda pada musim lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Mohd. Zolkafly

Harun berkata, inisiatif itu adalah sebahagian daripada komitmen kerajaan dalam menjaga kebajikan golongan pesawah serta memastikan rantaian bekalan makanan negara terus stabil.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut menyampalkan bantuan di bawah Tabung Bencana Pertanian (TBP) kepada tiga penerima di Kerian dengan jumlah keseluruhan RM6,000.

“Kemarau yang melanda telah menjejaskan kawasan tanaman seluas 778.15 hektar di seluruh Perak, termasuk 470.93 hektar di daerah Kerian. Selain itu, 0.70 hektar kawasan tanaman lain turut terjejas akibat banjir,” katanya selepas merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan TBTP di sini semalam.

Menurutnya, secara keseluruhan, kerajaan negeri dan perse-

kutuan telah meluluskan bantuan berjumlah RM812,081.28 di bawah TBTP kepada 702 pesawah yang terkesan.

“Bagi TBP pula, sejumlah RM1,411,842.10 telah diperuntukkan untuk membantu 110 petani dan penternak dalam sub sektor tanaman makanan, ternakan, dan akuakultur,” katanya.

Katanya, Perak merupakan pengeluar padi ketiga terbesar

di negara ini, dengan pencapaian Kadar Sara Diri (KSD) sebanyak 103 peratus pada 2023.

“Negeri ini mencatatkan keluasan bertanam padi sebanyak 74,789 hektar yang melibatkan kawasan jelapang dan luar jelapang. Pada tahun 2023, jumlah pengeluaran padi Perak adalah sebanyak 283,408.08 metrik tan, dengan populasi pesawah seramai 16,703 orang,” katanya.